

PEMBANGUNAN AGRIKULTUR DARI PERSPEKTIF AL-QURAN: ANALISIS KAJIAN TEMATIK

DEVELOPMENT OF AGRICULTURE IN THE PERSPECTIVE OF AL-QURAN: A THEMATIC ANALYSIS

Basirah Abu Bakar¹
Mohd Fahimi Zakaria^{2*}
Abdelrahman Monis³
Anis Aqila binti Abdul Rahman⁴

¹Centre for Fundamental Studies, Management and Science University (MSU), Malaysia
(Email: basirah_abubakar@msu.edu.my)

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
(Email: fahimimuhandis@gmail.com)*

³Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Malaysia
(Email: abdelrhmanmonis@gmail.com)

⁴International Medical School, Management and Science University (MSU), Malaysia
(Email: anisaqila203@gmail.com)

* Corresponding Author

Article history

Received date : 15-10-2021
Revised date : 16-10-2021
Accepted date : 22-12-2021
Published date : 27-12-2021

To cite this document:

Abu Bakar, B., Zakaria, M. F., Monis, A., Abdul Rahman, A. A. (2021). Pembangunan Agrikultur menurut Al-Quran: Analisis Kajian Tematik. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(42), 124 - 135.

Abstrak: Pembangunan agrikultur tidak terbatas kepada penyelidikan makmal sahaja, sebaliknya di dalam al-Quran juga terdapat penjelasan yang terperinci tentang pengurusan agrikultur. Kajian ini memfokuskan analisis kajian secara tematik terhadap ayat-ayat al-Quran yang merujuk kepada pengurusan agrikultur. Metodologi kajian ini adalah dengan mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan pengurusan agrikultur dan membuat pembahagian mengikut tema yang bersesuaian. Kajian ini juga menjelaskan bahawa keperluan terhadap kitaran alam sangat diperlukan di dalam pengurusan agrikultur. Selain itu, terdapat beberapa komponen penting dalam proses pembangunan agrikultur berteraskan pedoman al-Quran sebagai teras utama kajian ini. Komponen ini seterusnya memberi implikasi tertentu dalam pembangunan aktiviti agrikultur seperti implikasi ekonomi, psikologi, iman dan kehidupan insan berpandukan dalil-dalil al-Quran yang jelas. Kajian ini merumuskan bahawa pembangunan agrikultur hendaklah dilaksanakan menurut perspektif al-Quran supaya hasilnya dapat dimanfaatkan seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Kata kunci: Pembangunan Agrikultur, Perspektif al-Quran, Analisis Tematik

Abstract: Agricultural development is not limited to laboratory research only, instead in the al-Quran there is also detailed explanation of agricultural management. This study focuses on the thematic analysis of the study on the verses of the al-Quran that refer to agricultural management. The methodology of this study is to collect al-Quran verses related to agricultural management and make a division according to the appropriate theme. This study also explains that the need for the natural cycle is very necessary in agricultural management. In addition, there are several important components in the process of agricultural development based on the guidelines of the al-Quran as the main thrust of this study. These components in turn gives certain implications in the development of agricultural activities such as economic, psychological, faith and human life implications based on the clear arguments of the al-Quran. This study concludes that agricultural development should be implemented according to the perspective of the al-Quran so that the results can be utilized as commanded by Allah SWT.

Keywords: Agriculture Development, al-Quran Perspective, Tematic Analysis

Pengenalan

Agrikultur merupakan keperluan asas bagi setiap kehidupan manusia. Islam sangat menggalakkan manusia untuk memenuhi bumi dan tanah yang terbiar dengan pertanian dan lain-lain yang mendatangkan hasil. Ini bertujuan untuk mendatangkan manfaat terhadap tanah tersebut. Seperti mana yang dinyatakan di dalam surah Yusuf (12:46-47) bahawa agrikultur menjadi aset di dalam sesebuah negara. Oleh itu, ahli agronomi berusaha untuk menaik tarafkan sektor agrikultur sehingga dapat menerbitkan pelbagai kajian dan penulisan-penulisan berkenaan dengan agrikultur (Zakariah, 1992). Kepentingan agrikultur di Malaysia adalah untuk menyumbang kepada hasil makanan negara selain daripada menjadi sumber pendapatan petani-petani. Berdasarkan statistik Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia (2019), agrikultur menyumbangkan sebanyak RM326 juta daripada hasil dalam negara.

Agrikultur merupakan fardhu ain yang menjadi kewajipan kepada individu yang ingin mendapatkan sumber pendapatannya untuk diri dan keluarga bagi keperluan menyara kehidupan. Di samping itu, menjadi fardhu ain juga apabila sesebuah negara dan masyarakat itu memerlukan kepakaran dalam bidang agrikultur. Akan tetapi, agrikultur menjadi fardu kifayah apabila manfaatnya lebih besar daripada manfaat yang diterima secara peribadi. Sarjana-sarjana Islam berpendapat bahawa agrikultur lebih baik diutamakan berbanding dengan perniagaan, perusahaan atau perkilangan (Mohamad Ashraf, 2019). Rasulullah SAW menjelaskan kepentingan pertanian di dalam sabdanya yang bermaksud:

إِنْ قَامَتِ السَّاعَةُ وَفِي يَدِ أَحَدٍ كُمْ فَسِيلَةٌ، فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ لَا تَقُومَ حَتَّى يَعْرِسَهَا
فَلَا يَعْرِسُهَا

Maksudnya: Jika terjadi hari kiamat sementara di tangan salah seorang dari kamu ada sebiji benih tanaman, maka jika dia mampu sebelum terjadi hari kiamat untuk menanamnya maka tanamlah.

(Riwayat Ahmad)

Hadith ini menjelaskan bahawa agrikultur merupakan satu ibadah dan sehingga hari kiamat pun peranan agrikultur itu digalakkan oleh Rasulullah s.a.w. Yusuf al-Qaradhawy menjelaskan bahawa keperluan memenfaatkan tanah dengan bercucuk tanam. Islam membenci melihat tanah yang kosong kerana ianya dianggap mensia-siakan nikmat dan kehilangan harta. Rasulullah SAW sendiri sentiasa melarang manusia daripada mensia-siakan hartanya (Muhammad Ikhlas, 2013). Pembangunan dan pengurusan agrikultur hendaklah mempunyai sekolompok usahawan. Usahawan merupakan penggerak utama dalam membangunkan ekonomi sesebuah negara. Terdapat pelbagai bidang keusahawanan yang telah dijelaskan di dalam al-Quran. Di antaranya adalah bidang agrikultur, penternakan, perlombongan, perikanan dan perusahaan. Agrikultur adalah sumber mata pencarian tertua dalam kalangan masyarakat manusia.

Hakikatnya, banyak sejarah Islam juga menjelaskan bahawa bidang agrikultur telah dipelopori oleh para nabi kita seperti Nabi Adam Ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan banyak tentang agrikultur menunjukkan penciptaan Allah SWT terhadap sesuatu sama ada di langit dan di bumi adalah semata-mata untuk dimanfaatkan oleh manusia (Mohd Nasir, 2010). Kajian ini adalah untuk mengenalpasti bagaimakah pembangunan dan pengurusan agrikultur dapat dilaksanakan menggunakan pendekatan di dalam al-Quran. Oleh itu, kajian ini mengekstrak tema-tema agrikultur di dalam al-Quran secara deskriptif. Dengan itu, kajian ini dapat menjelaskan apakah komponen-komponen yang diperlukan di dalam pengurusan agrikultur menurut al-Quran.

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kualitatif yang berbentuk kepustakaan, iaitu salah satu kajian saintifik (Ahmad Munawar & Mohd. Nor Shahizan, 2015) iaitu dengan mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan pengurusan agrikultur dan membuat pembahagian mengikut tema yang dipilih seperti angin, air, bumi, langit, tanah, manusia (insan) dan haiwan (hidupan). Kesemua tema ini pula dianalisis mengikut komponen-komponen dan implikasinya terhadap ekosistem agrikultur menurut pedoman al-Quran sebagai sebuah kitab suci agama Islam yang menjadi rujukan utama dalam pembangunan ekonomi Islam yang mematuhi kehendak Syariah.

Kajian Literatur

Ahmad Badri Abdullah dan Shahino Mah Abdullah (2017) dalam kajian mereka yang bertajuk *Environmental Fitrah in The Light of a Systematic Approach to Shariah and Science*, menegaskan bahawa dalam konteks pemanasan global dan perubahan iklim dunia, negara-negara Islam di seluruh dunia tidak terkecuali dalam menangani krisis alam sekitar ini. Dalam pada itu, para ulama Islam telah menyatakan prinsip pemeliharaan alam sekitar (*hifz al-bi'ah*) melalui maqasid shariah, yang merangkumi tumpuan dan pelaksanaan sebenar untuk menangani krisis ini.

Zulkiply Omar (2013) dalam kajiannya bertajuk *Sektor Pertanian Sebagai Enjin Pertumbuhan Ekonomi*, beliau merumuskan bahawa secara umumnya, sektor pertanian dan perikanan ini perlu dilihat semula secara menyeluruh bukan sahaja untuk menyelesaikan isu semasa. Malah ianya perlu dilihat sebagai sumber pembangunan ekonomi pada jangka masa yang panjang berdasarkan dua sebab utama. Pertama, Malaysia mempunyai kelebihan bandingan di dalam pengeluaran pertanian tropika. Kedua, pengeluaran sektor pertanian memberi nilai tambah yang tinggi kepada ekonomi. Pembangunannya perlu meliputi keseluruhan ekosistem. Bermula

dari pengeluaran di peringkat industri huluhan hingga kepada pembangunan industri hiliran yang meliputi pemprosesan, pengagihan dan sebagainya.

Asmak Ab. Rahman (2011) dalam *Pertanian dari Perspektif Ekonomi Islam* pula menjelaskan bahawa pertanian merupakan aktiviti yang penting kepada ekonomi sesebuah negara. Kajian ini mengupas prinsip-prinsip Islam berkaitan ekonomi pertanian. Perbahasan buku ini ditumpukan kepada pemilikan dan pembangunan tanah pertanian yang terkandung dalam prinsip *ihya' al-mawat, al-harim, al-iqta' dan al-hima*. Buku ini turut membincangkan bagaimana Islam menjamin supaya sekuriti makanan dalam masyarakat terjaga melalui beberapa mekanisme agihan iaitu zakat, sedekah, korban, aqiqah, fidyah dan khairat. Ringkasnya kepentingan dan objektif buku ini adalah untuk meninjau konsep pertanian dari perspektif Islam. Seterusnya untuk melihat pemikiran para sarjana Islam mengenai pemilikan dan pembangunan tanah pertanian serta zakat pertanian dan sekuriti makanan.

Syed Najihuddin et al. (2008) dalam *Menelusuri Al-Sunnah: Ke Arah Mengisi Modal Insan Dalam Sektor Pertanian* menyatakan bahawa pertanian sebagai penggerak ekonomi. Pertanian merupakan elemen utama dalam sejarah manusia kerana tahap peningkatan pertanian menjadi satu faktor penting dalam perubahan sosioekonomi secara global, termasuk peningkatan kekayaan di mana petani berupaya mengeluarkan makanan melebihi keperluan diri dan keluarganya, dan dengan itu sebahagian dari ahli keluarga, kaum, negeri atau negara boleh melibatkan diri mereka dalam bidang lain daripada pertanian. Bagi pengusaha sektor pertanian, mereka akan membantu menggerakkan ekonomi sesebuah masyarakat. Dalam hal ini, ekonomi akan berkembang dengan baik. Tanah juga akan menjadi subur kerana kegiatan pertanian berlaku.

Isa Abduh (2003) dalam bukunya iaitu *al-Iqtisād al-Islāmī* mengatakan bahawa pertanian merupakan kerjaya yang diperintahkan dalam Islam mampu mengeluarkan produk makanan dari segi rohani, fizikal seterusnya zakat dan sedekah. Pertanian juga merupakan keraya yang memenuhi keperluan ekonomi dan masyarakat mampu mengeluarkan bahan keperluan sayur-sayuran dan berupa bahan-bahan makanan serta pakaian. Manakala dari segi kemasyarakatan ia berguna kepada seluruh manusia dan haiwan.

Di dalam al-Quran terdapat sembilan perkataan yang menunjukkan makna terhadap agrikultur. Agrikultur di dalam al-Quran dapat dibahagikan kepada dua konsep tematikal. Konsep tematikal yang pertama adalah melalui istilah iaitu secara langsung dan konsep tematikal yang kedua adalah melalui bidalan iaitu secara tidak langsung.

Jadual 1: Ayat-Ayat Al-Quran Terhadap Pembangunan Agrikultur

| Bil . | Konsep Tematikal | Perkataan | Ayat dan Surah |
|-------|---------------------------------|------------------|---|
| 1. | Istilah (secara langsung) | <i>al-Zar'i</i> | 6:14, 12:47, 13:4, 14:37, 16:11, 18:32, 26:148, 32:27, 39:21, 44:26, 48:29, 56:64 |
| 2. | | <i>Kharaja</i> | 2:22, 2:61, 2:267, 6:99, 14:32, 20:53, 23:20, 32:27, 35:27, 36:33, 39:21, 41:47, 48:29, 78:15, 79:30, 87:4 |
| 3. | | <i>Nabata</i> | 2:61, 2:261, 3:37, 6:99, 7:58, 10:24, 15:19, 16:11, 20:53, 22:5, 23:20, 26:7, 27:60, 31:10, 36:36, 50:7, 50:9, 57:20, 71:17, 78:15, 80:27 |
| 4. | | <i>Thamara</i> | 2:22, 6:99, 7:57, 14:32, 35:27, 36:35, 41:47 |
| 5. | Bidalan (secara tidak langsung) | <i>al-Khalq</i> | 2:164, 13:3-4, 21:30-32, 27:60-65, 31:10-11, 36:71-73 |
| 6. | | <i>al-'Ilm</i> | 6:59, 15:21, 31:34, 34:2, 41:47 |
| 7. | | <i>al-Qudrah</i> | 6:95, 15:19-20, 35:27, 39:21, 41:39, 45:5-6, 80:23-32 |
| 8. | | <i>al-Izin</i> | 7:58, 15:23, 22:65, 59:5 |
| 9. | | <i>al-Taqdīr</i> | 23:18-22, 56:63-65, 67:29-30 |


Berdasarkan Jadual 1, terminologi bagi agrikultur di dalam al-Quran menyumbang kepada 9 jenis perkataan. Di antaranya *al-zar'i*, *kharaja*, *nabata*, *thamara*, *al-khalq*, *al-'ilm*, *al-qudrat*, *al-izin* dan *al-taqdir* (Anzharuddin, 2007).

Hasil Kajian

Dapatkan daripada kajian pembangunan agrikultur dari perspektif al-Quran secara khusus dibincang dan dianalisi melalui empat sub kajian iaitu (1) komponen utama pembangunan, (2) komponen primer, (3) komponen sekunder dan yang terakhir (4) implikasi pembangunan agrikultur terhadap komponen-komponen yang dinyatakan.

Komponen Pembangunan Agrikultur dari perspektif al-Quran

Pembangunan agrikultur memerlukan empat keperluan utama iaitu air, nutrien, cahaya dan udara. Tanaman boleh mendapatkan keperluan-keperluan ini dari persekitaran. Ini adalah untuk memastikan tanaman dapat hidup dan tumbuh dengan baik. Di dalam al-Quran juga menjelaskan terdapat komponen-komponen utama di dalam pembangunan agrikultur.



Rajah 1: Komponen Utama Pembangunan Agrikultur dari perspektif al-Quran

Komponen utama pembangunan agrikultur menurut al-Quran terbahagi kepada komponen primer dan komponen sekunder. Komponen primer yang dijelaskan di dalam al-Quran adalah angin, langit, air dan bumi atau tanah. Manakala komponen sekunder pula adalah meliputi insan dalam pengurusan, haiwan dan kehidupan.

Komponen Primer Agrikultur dalam al-Quran

Jadual 2: Komponen Primer Agrikultur di dalam al-Quran

| Bil. | Komponen Primer Agrikultur di dalam al-Quran | Ayat dan Surah |
|------|--|---|
| 1. | Angin | 2:164, 3:117, 7:57, 30:48, 35:9, 25:48-49. |
| 2. | Langit | 2:164, 15:22 |
| 3. | Air | 24:43, 30:48, 7:57, 25:48-49, 78:14-16, 21:30, 15:21-22, 23:18-19, 2:22, 2:74, 22:63, 43:11, 16:10-11, 13:17, 11:44, 39:21, 26:7, 71:17 |
| 4. | Tanah | 16:65, 41:39, 50:9, 78:14-16, 32:27, 14:32, 20:53, 13:3-4, 79:30-31, 2:22, 15:19, 43:10, 50:7, |

Dalam al-Quran terdapat banyak perkataan yang mengungkapkan tentang angin. Perkataan *ar-rīḥ* dan *ar-riyyah* adalah perkataan yang paling jelas disebutkan di dalam al-Quran tentang angin. Berdasarkan Jadual 2 di atas, terdapat enam perkataan *ar-rīḥ* dan *ar-riyyah* sebagai komponen primer di dalam pengurusan agrikultur. Namun begitu, terdapat juga perkataan-perkataan lain yang menunjukkan angin di dalam al-Quran seperti perkataan *az-zāriyāt*, *al-mursalāt* dan *al-asifat*.

Perkataan langit di dalam al-Quran terdapat 41 perkataan iaitu *as-sama'*, tetapi perkataan *as-sama'* yang menfokuskan komponen primer pembangunan agrikultur adalah di dalam al-Quran (2:164; 15:22). Menurut al-Tabary (2015), pada surah al-Hijr ayat 22 perkataan *lawaqiha* menunjukkan gabungan di antara angin dengan langit, air dan bumi dalam membantu pengurusan agrikultur. Ini menunjukkan langit merupakan komponen paling penting untuk digabungkan dengan komponen-komponen primer yang lain untuk menjadikan pengurusan agrikultur menjadi lebih baik. Manakala berdasarkan pandangan ar-Razy dan Zamakhsyari bahawa perkataan *lawaqiha* menunjukkan kepentingan angin terhadap langit dan tumbuhan.

Terdapat 6 perkataan yang menunjukkan tanah di dalam al-Quran. Di antaranya adalah; *al-'ard*, *al-turab*, *hama'*, *salsal*, *sa'id* dan *al-tīn*. Walaubagaimanapun, perkataan *al-'ard* adalah perkataan lebih tepat bagi agrikultur. Komponen-komponen primer di dalam al-Quran mempunyai hubungan di antara satu sama lain sehingga menjadi satu rantai pembangunan agrikultur. Rantai pembangunan agrikultur menggunakan komponen-komponen primer di dalam al-Quran dapat disimpulkan melalui Rajah 2 di bawah:




Rajah 2: Rantai Pembangunan Agrikultur berdasarkan Komponen Primer

Berdasarkan Rajah 2, hubungan komponen primer iaitu angin, langit, air dan tanah dijelaskan di dalam satu ayat pada surah-surah yang berbeza. Berdasarkan surah Rum (30:48) dan surah Furqan (25:48), proses pendebungaan dimulakan dengan pengumpulan langit dan awan. Lalu sebagaimana dijelaskan di dalam surah al-A'raf (7:57), langit dan awan yang mengandungi air bergerak dan dibawa oleh angin. Proses pendebungaan terhasil apabila langit mengeluarkan

hujan ke atas tanah. Ini dijelaskan di dalam al-Quran surah Furqan (25:48-49) dan surah Anbiya' (21:30). Di dalam surah Hijr (15:21-22) dan Mu'minun (23:18-19) menjelaskan bahawa hujan dapat menjana kesuburan terhadap tanaman. Perkara ini turut dijelaskan di dalam surah ar-Ra'ad (13:17), Hud (11:44), Zumar (39:21), Syu'ara (26:7) dan Nuh (71:17).

Komponen Sekunder Agrikultur Di Dalam al-Quran

Seterusnya, fokus kepada perbincangan mengenai komponen sekunder agrikultur dalam al-Quran yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu Insan (manusia) dan haiwan. Hal ini dapat merungkai bagaimakah aktiviti pertanian yang dijalankan oleh manusia dan haiwan dapat menyumbang kepada pembangunan agrikultur yang lebih maju ke hadapan berdasarkan dalil-dalil yang dinyatakan dalam al-Quran.



Rajah 3: Komponen Sekunder Agrikultur Di Dalam al-Quran Yang Pertama


Berdasarkan rajah di atas, terdapat tiga ayat yang dinyatakan di dalam tiga surah yang berbeza iaitu Surah Al-Waqiah (56:63), Surah Yasin (26:35) dan Surah Yusuf (12:47) yang membincangkan mengenai peranan dan sumbangan seseorang manusia dalam aktiviti pertanian serta kelebihannya.

Penciptaan tumbuhan dan peranan manusia merupakan tema perbincangan dalam surah al-Waqiah (63-64) yang bermaksud “*Tidakkah kamu perhatikan apa yang kamu tanam? (63). Kamukah yang menanamnya atau Kamikah yang menanamkannya? (64)*”. Dengan senang dan mudah al-Quran membawa hati manusia supaya merenungi satu perkara yang biasa dan selalu dilihat manusia dengan tujuan untuk menunjukkan kepada manusia qudrat Allah yang mengendalikannya, dan menunjukkan mu’jizat yang berlaku di hadapan mata manusia, sedangkan manusia selama ini lalai dan tidak sedar. Pada tanaman yang tumbuh di hadapan manusia, kemudian subur dan mengeluarkan buah-buahan itu, apakah peranan yang dimainkan oleh manusia? Manusia hanya menenggalakan bumi, menaburkan biji-biji dan benih-benih yang telah diciptakan Allah. Setelah itu tamatlah peranan manusia, kemudain qudrat Allahlah yang mengendalikannya dan melakukan kerja-kerja mu’jizat yang aneh.

Seterusnya, jika diperhatikan Surah Yasin ayat ke-34 yang bermaksud “*Dan kami jadikan padanya di tanah atau bumi kebun-kebun kurma dan anggur dan kami pancarkan padanya beberapa mata air*”. Lalu Allah berfirman lagi pada ayat ke-35 “*Supaya mereka dapat makan dari buahnya*” - maksudnya adalah buah-buahan sebagaimana diseutkan dari kebun-

kebun itu, “*dan dari apa yang diusahakan oleh tangan mereka*” - yang merupakan buah dari ciptaan Allah dengan perantara tindakan mereka, “*Maka mengapakah mereka tidak bersyukur?*” - maksudnya adalah anugerah Tuhan Yang Maha Esa. Terjemahan Surah Yusuf ayat ke-47 “.....*Kamu akan menanam tujuh tahun berturut-turut. Oleh itu, segala bijan yang telah kamu tuai, maka biarkannya di dalam tangkainya*” – untuk memelihara biji-bijian itu dari serangan ulat-ulat dan kesan-kesan udara, “*kecuali sebahagian kecil dari bekalan yang kamu hendak makan*” - maksudnya keluarkanlah bahagian biji-bijian ini sahaja dari tangkainya dan simpangkan yang bakinya untuk bekalan tahun-tahun kemarau yang dilambangkan dengan lembu-lembu betina yang kurus.

Justeru, jelaslah bahawa sektor pertanian merupakan satu perkara asas yang penting bagi meneruskan kehidupan harian serta membantu dalam pembangunan ekonomi negara.



Rajah 4: Komponen Sekunder Agrikultur Di Dalam al-Quran Yang Kedua

Rajah 4 menceritakan berkenaan peranan dan sumbangan haiwan dalam kehidupan manusia serta membantu dalam pembangunan agrikultur. Ia terbahagi kepada dua bahagian, yang pertama ialah haiwan secara umum dan yang kedua ialah haiwan ternakan seperti lembu, kerbau, unta dan kambing.

Terjemahan surah Hud ayat ke-6 ialah “*Dan tiada seekor bintang pun yang bergerak di bumi melainkan yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat tinggalnya dan tempat persembunyiannya. Segala-galanya tercata dalam sebuah buku yang amat jelas (Luh Mahfuz)*”. Ungkapan ini merupakan satu gambaran bahawa ilmu Allah yang syumul dan menakutkan. Binatang-binatang iaitu setiap makhluk yang bergerak di bumi seperti manusia, haiwan-haiwan reptilia dan serangga yang memenuhi permukaan bumi, yang bersembunyi di dalam perut bumi, di dalam lubang-lubang dan liku-likunya, yang tidak terhitung banyaknya

dan tidak terbanci bilangannya adalah semuanya berada di dalam ilmu Allah dan ditanggung rezekinya oleh Allah. Allah mengetahui di mana haiwan-haiwan itu tinggal dan di mana ia bersembunyi, dari mana ia datang dan ke mana ia pergi. Setiap ekor dari haiwan-haiwan itu dan setiap individunya tercatat di dalam ilmu Allah Yang Maha Luas.

Penciptaan binatang-binatang ternakan ini pada mulanya merupakan satu mu'jizat sama seperti penciptaan manusia. Namun kejadiannya tidak dapat didakwa dan diciptakan oleh manusia. Di samping itu, binatang-binatang ternakan ini ditundukkan kepada penggunaan manusia, sedangkan sesetengah binatang ini mempunyai tubuh badan yang lebih besar dan kekuatan yang lebih hebat dari mereka seperti unta, lembu, kuda, kerbau dan sebagainya. Jadi itulah tujuan penciptaan binatang-binatang ternakan ini untuk memberi manfaat kepada manusia serta kehidupannya.

Implikasi Pembangunan Agrikultur menurut al-Quran

Pembangunan agrikultur menurut al-Quran mampu memberi kesan terhadap beberapa aspek di antaranya keimanan, psikologi, rantaian kehidupan dan keimanan. Kesan-kesan pembangunan agrikultur menurut al-Quran secara positif dan negatif dapat disimpulkan seperti jadual di bawah:

Jadual 3: Kesan Pengurusan dalam Pengurusan Agrikultur Menurut al-Quran

| No. | Kesan Pengurusan Agrikultur Menurut Al-Quran | Kesan Positif | Kesan Negatif |
|-----|--|---|---------------|
| 1. | Keimanan | Hidayah | Kufur Nikmat |
| | | Pemurah | Riya' |
| | | Ikhlas | Lalai |
| | | Taat Kepada Allah | Akhlik Buruk |
| | | Akhlik Yang Baik | Sombong |
| 2. | Psikologi | Ketenangan | Kemurungan |
| | | | Putus Asa |
| 3. | Rantaian Kehidupan | Memelihara Persekutaran Daripada Pencemaran | - |
| 4. | Ekonomi | Peluang Pekerjaan | - |
| | | Perniagaan | - |

Jadual 3 menunjukkan kesan pengurusan dalam agrikulturt yang dapat dibahagikan kepada kesan positif dan negatif. Dari sudut kesan terhadap keimanan, agrikultur dapat mendekatkan diri seseorang kepada Allah. Hal ini kerana tanda kebesaran Allah dapat dilihat dengan jelas dalam proses kejadian tumbuh-tumbuhan atau tanaman. Dengan itu, agrikultur juga dapat memupuk sifat tawakal kepada Allah. Ini disebabkan agrikultur merupakan pekerjaan yang

memerlukan usaha yang keras untuk menjayakan usaha pertaniannya. Agrikultur memberi kesan positif terhadap rantaian kehidupan iaitu dapat memelihara persekitaran dari pencemaran. Pemeliharaan alam sekitar adalah sebahagian daripada ibadah dalam Islam. Di dalam al-Quran juga ada menyeru manusia agar memerhatikan alam sekitar untuk mendapat manfaat dan menambah keimanan kepada Allah SWT (Che Norina, 2015).

Kajian ini juga mendapati, keimanan dapat memberi kesan terhadap pengurusan agrikultur iaitu keyakinan terhadap kekuasaan Allah SWT. Ia juga mendorong sesebuah individu dalam pembentukan akhlak, pemikiran, motivasi dan mewujudkan hubungan baik dan harmoni sesama manusia. Di samping itu, pengabdian seseorang hamba juga dapat dipupuk di dalam pengurusan agrikultur. Jelaslah di sini bahawa pembangunan agrikultur bukan hanya dapat

berbakti kepada tanah dan menjana pendapatan semata-mata, tetapi menjadi penyumbang untuk mendekatkan diri antara manusia dengan Allah SWT (Mohd Zain, 2016). Secara psikologi pula, agrikultur memberikan ketenangan kepada pengusahanya. Selain itu, psikologi dalam agrikultur juga dapat membentuk perilaku pengusaha yang rajin, bertanggungjawab dan memiliki motivasi dan minat yang tinggi, Walaubagaimanapun, terdapat juga kesan negatif terhadap psikologi seperti kemurungan dan putus asa dalam pengurusan agrikultur (Endro, 2019). Namun begitu, masih banyak lagi masyarakat di Malaysia tidak mempedulikan kesan positif terhadap psikologi ini. Malah menganggap agrikultur menyumbang kepada kemurungan dan putus asa kerana menginginkan kehidupan yang serba mudah tanpa perlu bekerja keras. Di dalam al-Quran ada menjelaskan bahawa pengurusan agrikultur dapat menyumbang kepada kebaikan ekonomi sesebuah negara. Banyak peluang pekerjaan disediakan kepada penduduk luar bandar. Menurut Dasar Pertanian Negara 1991, strategi kerajaan dalam pembangunan agrikultur dapat dinikmati oleh masyarakat luar bandar (Norsiah, 1994).

Kesimpulan

Pembangunan agrikultur merangkumi sektor pertanian, perikanan, ternakan dan perladangan. Pembangunan agrikultur yang terancang adalah untuk memenuhi keperluan makanan dan meningkatkan pendapatan negara dan masyarakat. Oleh itu, sektor agrikultur hendaklah dipromosikan lebih giat bagi meningkatkan kuantiti, produktiviti, kualiti, pemasaran dan kecekapan perniagaan pertanian sama ada yang diuruskan secara bebas atau dalam perkongsian. Pembangunan agrikultur juga dapat memberi sumbangan dalam aspek kerohanian. Justeru melakukan kegiatan pertanian, ia dapat mendekatkan diri seseorang kepada Allah SWT. Penghayatan terhadap tanda-tanda kebesaran Allah SWT seperti proses kejadian tumbuh-tumbuhan atau tanaman. Di samping itu, dengan melakukan perusahaan agrikultur, seseorang individu itu dapat memahami hakikat sebenar konsep tawakal dan beriman kepada kekuasaan-Nya. Selain itu, pembangunan agrikultur juga dapat memupuk kesedaran bahawa segala hasil yang diterima adalah datangnya daripada Allah SWT. Kesedaran dalam pembangunan agrikultur dapat dipertingkatkan sekiranya manusia dapat menyedari dan memahami bahawa Allah SWT melarang umatnya daripada melakukan pembaziran terhadap sumber alam seperti tanah, binatang, pokok dan air.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim
- al-Tabary, Muhammad Jarir. 2015. *Jami' al-Bayan fi Takwil al-Quran*, Riyadh: Dar al-'Alim al-Kutub.
- Ahmad Badri Abdullah, Shahino Mah Abdullah. 2017. Environmental Fitrah in the Light of a Systematic Approach to Shariah and Science. *Islamic and Civilisational Renewal Journal*. 8 (3):322-341.
- Asmak Ab. Rahman. 2011. *Pertanian dari Perspektif Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Azharuddin Sahil. 2007. *Mencari Ayat-ayat al-Quran Berdasarkan Kata Dasar*. Batu Caves: Crescent News Sdn. Bhd.
- Booklet Statistik Tanaman (Sub-Sektor Tanaman Makanan), Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, 2019. Dicapai pada 15 Disember 2021 melalui laman <http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/622?mid=239>
- Endro Sulistyono, Dian Tristiana. 2019. Masalah Kesehatan Mental Pada Petani dan Peran Caring Perawat Kesehatan Agrikultural Di Komunitas: Review Literatur. *Prosiding Scientific Week of Jember Nursing College* (84-102). Kalimantan: Universitas Jember.
- Isa Abduh. 2003. *al-Iqtisād al-Islāmī*. Al-Qāhirah: Maktabah al-Iqtisād al-Islāmī.
- Che Norina Che Malik. Aktiviti tani dekatkan diri dengan Allah. Harian Metro (21 April 2015). Dicapai pada 15 Disember 2021 melalui laman <http://www.hmetro.com.my/node/45345#>
- Mohamad Ashraf. 2019. Pertanian dalam Islam. Dicapai pada 15 Disember 2021 melalui laman <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas>
- Mohd Nasir Bin Ripin, Nurul Huda Binti Mansur. 2010. *Keusahawanan Menurut Perspektif Al-Quran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Zain Bin Mubarak. 2016. *Konsep Keusahawanan Islam: Terminologi, Kerohanian dan Al-Falāh*. Bachok: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, Mohd Anuar Ramli. 2003. al-Qaradawi's Juristic Perspectives on Zakah of Agricultural Wealth as Reflected in His Fiqh al-Zakah. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*. 1(3): 49-60.
- Norsiah Mohd. Noor. 1994. *Komitmen Belia Tani Dalam Projek Pertanian Di Negeri Selangor Dan Faktor-Faktor Yang Berkaitan Dengannya*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Syed Najihuddin Syed Hassan, Zulhilmi Mohamed Nor, Nidzamuddin Zakaria. 2008. Menelusuri Al-Sunnah: Ke Arah Mengisi Modal Insan Dalam Sektor Pertanian. *Seminar Kebangsaan Kecemerlangan Tamadun Islam Dalam Agro, Sains dan Teknologi* (1-14). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yohanes Berkhmas Mulyadi, Warkintin, Suryameng. 2018. Pendekatan Psikologi Terhadap Budi Daya Tanaman Lada Ramah Lingkungan Berbasis Teknologi Bio-Fob. *Jurnal Pengabdian Masyarakat Khatulistiwa*. 1(2): 102-112.
- Zakariah Abdul Rashid. 1992. Analisis Dasar Pertanian: Peranan Sektor Pertanian dalam Pelan Induk Perindustrian. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 26(1): 95-125.
- Zulkiply Omar. 2013. Sektor Pertanian Sebagai Enjin Pertumbuhan Ekonomi, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia. Dicapai pada 15 Disember 2021 melalui <https://www.academia.edu/38740964>